

Makkah, Madinah kota suci penuh berkat



Bersama
Prof Dr Taufiq
Yap Yun Hin

Makkah dan Madinah adalah dua kota suci yang penuh keberkatan. Ia sentiasa menjadi tumpuan umat Islam untuk beribadat sepanjang tahun.

Masjidilharam di Makkah terutamanya tidak pernah sunyi dikunjungi manusia dari seluruh dunia. Umat Islam melaksanakan tawaf mengelilingi Kaabah silih berganti sepanjang 24 jam tanpa henti.

Atas kemuliaan dan keberkatan dua kota itu, umat Islam sama ada kaya atau miskin, sempurna dan kurang upaya semuanya membawa diri untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT.

Mereka bersemangat untuk membersihkan diri daripada kesalahan yang pernah dilakukan serta iltizam menjadi lebih baik apabila mereka pulang.

Ramai yang melakukan penghijrahan selepas melalui proses 'kembali penyucian' penuh berkat itu.

Makkah dan Madinah menjadi tempat paling dekat untuk menyelusuri sirah perjuangan Nabi Muhammad SAW. Baginda membawa Islam dengan menggantikannya secara keseluruhannya daripada kepercayaan jahiliah yang menyekutukan Allah SWT.

Kunjungan ke kota suci itu bukan hanya untuk ibadat ritual semata-mata tetapi memberikan pengajaran kepada kita.

Lawatan ke Jabal Rahmah (Bukit Kasih Sayang) di padang Arafah memperlihatkan tempat pertemuan Nabi Adam dan Hawa selepas mereka terpisah selama beberapa ratus tahun selepas dikeluarkan dari syurga.

Nabi Adam dikatakan diturunkan di Benua India sementara Hawa diturunkan di Jeddah dan bertemu di bukit itu.

Di Padang Arafah jugalah menjadi tempat



JABAL Rahmah tempat pertemuan Nabi Adam dan Hawa di dunia selepas terpisah dari syurga.

yang sangat bersejarah apabila wahyu terakhir diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW.

Peristiwa itu berlaku pada Jumaat selepas Asar dan pada musim haji terakhir (Wada'). Dalam **Surah al-Maidah, ayat 3**, Allah SWT berfirman yang bermaksud: "Pada hari ini, orang-orang kafir putus asa (daripada memesongkan kamu) daripada agama kamu (selepas mereka melihat perkembangan Islam dan umatnya). Sebab itu janganlah kamu takut dan gentar kepada mereka, sebaliknya hendaklah kamu takut dan gentar

kepada-Ku. Pada hari ini, Aku sudah sempurnakan bagi kamu agama kamu dan Aku cukupkan nikmat-Ku kepada kamu dan Aku redakan Islam itu menjadi agama untuk kamu."

Satu lagi tempat yang biasa dikunjungi ketika berada di Makkah ialah Masjid Hudaibiyah. Terletak di daerah Syumaisyi iaitu kira-kira 26 kilometer dari Masjidilharam.

Ia juga salah satu tempat miqat untuk umrah. Hudaibiyah menjadi tempat yang amat bersejarah kerana menjadi tempat Nabi Muhammad

SAW. menandatangani perjanjian damai di antara orang Islam Madinah dan musyrikin Makkah pada tahun keenam Hijrah (628 Masihi) yang dinamakan sebagai Perjanjian Hudaibiyah.

Wakil musyirikin Makkah diwakili Suhail bin Amr. Intipati perjanjian itu ialah gencatan senjata selama 10 tahun, musyirikin Makkah yang menganut Islam mesti dihantar balik, umat Islam Madinah yang memihak kepada musyirikin tidak perlu dihantar balik, suku/kabilah Arab bebas menyokong Islam atau musyirikin dan ibadat

umrah hanya boleh dilakukan tahun berikutnya.

Walaupun pada awalnya perjanjian itu dilihat berat sebelah kerana lebih memihak kepada orang bukan Islam Makkah tetapi impak perjanjian itu amat besar kepada Islam.

Islam semakin berkembang hingga membawa kepada pembukaan Makkah secara damai dengan pembebasan daripada pihak musyirikin Makkah.

Malah ia menjangkau lebih meluas ke seluruh tanah Arab. Perjanjian itu juga memperlihatkan bagaimana Nabi SAW menunjukkan ciri kepemimpinan iaitu berpandangan jauh dan sifat kesabaran ketika proses rundingan dijalankan.

Penulis ialah Presiden Persatuan Cina Muslim Malaysia (MACMA) dan Profesor Jabatan Kimia dan Fakulti Sains Universiti Putra Malaysia